



Bulan madu dalam lokap

19 September 2019

Bulan madu dalam lokap

TUMPAT 18 Sept. - Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat menjadi lokasi bulan madu buat sepasang pengan-tin baharu selepas mereka dicekup bersama dadah, ubat batuk dan air ketum di Kam-pung Bunohan, dekat sini pada pukul 2.30 pagi tadi.

Suami isteri berusia 40 dan 38 tahun itu, yang mendirikan ru-mah tangga Khamis lalu, dicekup pasukan narkotik IPD Tumpat.

Ketua Polis Daerah, Super-intenden Ab. Rashid Mat Daud berkata, nilai rampasan adalah sebanyak RM11,500.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati lelaki berkenaan disyaki pengedar dadah yang aktif sejak tiga bulan lalu di sekir-tar daerah ini dan Kota Bharu.

"Kami merampas 73 gram syabu, lima biji pil eramin 5,

tiga botol air ketum dan 16 bo-tol ubat batuk.

"Suspek juga tidak sempat bergaya dengan kereta Proton Waja yang dibeli secara tunai," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Ab. Rashid memberitahu, suspek direman selama tujuh hari bermula esok bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1957.

"Kejayaan ini adalah hasil unit risikan dan maklumat orang awam," ujarinya.

Dalam perkembangan lain, Ab. Rashid berkata, Geng Peli yang menjadi dalang kegia-tan jenayah pecah rumah dan curi kenderaan di daerah ini berjaya dilumpuhkan selepas ketuanya yang dikenali sebagai Peli ditahan di Kampung Baru Nelayan dekat sini, Sabtu lalu.